

NO SOALAN :60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a. senarai penggunaan dana KWSP bagi pembiayaan Syarikat Milik Kerajaan GLC (contoh Pembinaan PFI, 1MDB, FGV) dan jumlah yang telah digunakan.; dan

- b. apakah ini punca mengapa KWSP tidak dapat membayar dividen yang baik kepada pencarum termasuk terpaksa membeli 50% MGS yang memberi pulangan dividen yang rendah sekitar 4% dan 5%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pendedahan portfolio pembiayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada Syarikat Milik Kerajaan (GLC) setakat 31 Mac 2015 adalah sebanyak RM79.99 bilion. Pendedahan pembiayaan KWSP kepada Syarikat GLC adalah dalam bentuk pinjaman berkadar tetap dan langganan Bon/Sukuk di mana sebahagiannya bersandarkan kepada jaminan kerajaan, cagaran aset dan jaminan bank.

Pelaburan KWSP dalam 1Malaysia Development Berhad adalah terhad kepada RM200 juta yang mana ianya dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Manakala pendedahan KWSP terhadap Pembinaan PFI Sdn Bhd pula adalah berjumlah RM25.29 bilion yang berjaminan pajakan sewa oleh Kerajaan Malaysia. Namun begitu, KWSP tidak memberi sebarang pembiayaan kepada Felda Global Ventures Berhad setakat ini.

Bagi memastikan objektif pelaburan KWSP untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli serta memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had risiko yang

ditetapkan dapat dicapai, lebih 50% daripada saiz pelaburan KWSP adalah dilaburkan di dalam Instrumen Berpendapatan Tetap yang turut merangkumi, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Sama Taraf serta Pinjaman dan Bon bagi kedua-dua mandat domestik dan global. Oleh yang demikian, pulangan KWSP secara semula jadinya adalah dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah dan inflasi. Memandangkan kadar inflasi yang semakin meningkat sejak tahun 2009, KWSP terus melabur dan mempelbagaikan lagi pelaburan dalam kelas aset Ekuiti dan Inflasi yang terdiri daripada Hartanah dan Infrastruktur sejajar dengan alokasi aset strategik (Strategic Asset Allocation) KWSP dalam usaha menjana pulangan pelaburan yang optimum pada kadar risiko yang berpatutan.